

# UMS hasilkan baja bio daripada tandan buah kosong kelapa sawit

UB 19-8-2013 B12

KOTA KINABALU: Kumpulan Penyelidikan Mikrobiologi dari Institut Penyelidikan Bioteknologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membangunkan cara mudah untuk mengeluarkan baja bio daripada serat tandan buah kosong kelapa sawit (EFB) dalam masa 40 hari.

Penyelidik kanan Dr Md Shafiquzzaman Siddiquee dan pelajar sarjana Nur Shafawati Salli, telah menjalankan penyelidikan menukarkan sisa industri kelapa sawit itu menjadi baja bio.

Menurut penyelidik kanan itu, ladang kelapa sawit Malaysia mewakili 41 peratus pengeluaran minyak sawit dunia dan menggunakan 4.5 juta hektar tanah. Serat kelapa sawit (batang, pelepah dan tandan buah kosong) dianggap produk buangan utama.

“Banyak sisa produk telah dihasilkan dan mengakibatkan masalah alam sekitar dan degradasi sistem eko, dan menjejaskan kesihatan komuniti, dengan kospelupusan yang semakin meningkat,” kata Md Shafiquzzaman kepada Bernama, di sini.

Md Shafiquzzaman berkata jenis tertentu *Trichoderma* yang digunakan untuk mengurai EFB dalam penyelidikannya, mempunyai banyak kelebihan berbanding produk berasaskan tepung yang boleh didapati di pasaran sekarang.

Katanya, penggunaan *Trichoderma* jenis ini dalam proses mengkompos, bukan hanya berperanan sebagai ejen pengawal biologi, tetapi juga antara lain mempercepatkan proses pengkomposan, mengawal penyakit tumbuhan, berupaya mengurai bahan kayu serta meningkatkan

hasil pengeluaran.

Md Shafiquzzaman berkata baja kompos EFB adalah organik, mesra alam dan mendapat permintaan yang tinggi.

“Oleh itu, Kumpulan Penyelidikan Mikrobiologi UMS kini mencari syarikat tempatan yang berminat untuk membangunkan proses pengkomposan ini secara komersil dalam aplikasi besar untuk perladangan,” katanya.

— Bernama